



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
MOHAMMAD UBADILLAH BIN IMAN

Naib Presiden
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ MAT
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD
RAHMAN TUDM (B)
SALIZA ABDULLAH

Setiausaha Kehormat
DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ
AHMAD

Bendahari Kehormat
FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI
MOHAMAD FATMI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN

Ahli-ahli Jawatankuasa
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR
DATUK HJ ZAIDI BIN MOHAMED
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)
IR. SOFIA BINTI JOHARI
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ACP. ZAKARIA BIN ADAM (B)
DATO' DR BASANT SINGH SIDHU

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD
NOAH

Pengerusi Negeri Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Negeri Kelantan
HJ. AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2023(22)

3 OGOS 2023

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

SURAT EDARAN PIKM KE-22/2023:

JEMPUTAN MENYERTAI PASUKAN BOLA SEPAK PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (PIKM) SEMPENA PENGANJURAN KEJOHANAN PIALA DATO' SRI RAMLI YUSUFF, PRESIDEN PIKM 2023

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PIKM akan menganjurkan kejohanan bola sepak yang julung kalinya diadakan, iaitu Kejohanan Piala Dato' Sri Ramli Yusuff, Presiden PIKM 2023. Kejohanan ini merupakan salah satu inisiatif PIKM untuk merapatkan hubungan antara warga industri dengan pihak-pihak berkepentingan dalam industri keselamatan melalui aktiviti sukan dan riadah di samping mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif dikalangan warga industri keselamatan swasta yang terdiri dari Pengarah Syarikat, kakitangan dan pengawal keselamatan.

3. Edisi pertama kejohanan ini akan menemukan tiga (3) pasukan, iaitu PIKM, Kementerian Dalam Negeri dari Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan Negeri Selangor & Kuala Lumpur, dan Veteran PULAPOL Kuala Lumpur bagi menentukan juara sulung Piala Dato' Sri Ramli Yusuff, Presiden PIKM.

4. Maklumat kejohanan adalah seperti yang berikut:

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2023 (SABTU)

MASA : 3.45 PETANG HINGGA 8.00 MALAM

**TEMPAT : PADANG PUSAT LATIHAN POLIS (PULAPOL)
KUALA LUMPUR, JALAN SULTAN YAHYA
PETRA, 54000 KUALA LUMPUR**

ATURCARA : SEPERTI DI LAMPIRAN I

5. Kejohanan ini akan dirasmikan oleh **YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia** dan turut dihadiri oleh **TYT Dilli Raj Poudel, Duta Besar Nepal ke Malaysia** selaku tetamu kehormat.

6. Sehubungan dengan perkara tersebut, dijemput ahli-ahli PIKM yang berminat untuk menyertai atau menghantar wakil daripada syarikat **secara percuma** bagi membentuk pasukan PIKM yang ampuh untuk kejohanan ini. Latihan dan pemilihan pemain PIKM dijangka akan diadakan dalam masa dua (2) minggu daripada tarikh surat ini.

7. Untuk mengesahkan penglibatan YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan atau wakil bagi mewakili pasukan PIKM ke kejohanan ini, **sila isi dan kembalikan borang penyertaan seperti di Lampiran II kepada pihak Sekretariat melalui emel info@pikm.my selewat-lewatnya pada 11 Ogos 2023 (Jumaat)**. Sebarang maklumat lanjut berhubung kejohanan ini sila hubungi Pengurus Pasukan PIKM, iaitu Dato' Dr. S. Prabakaran di talian 019-2199059 atau Urusetia Pasukan, Encik Ahmad Ramdan bin M Yusof di talian 019-2125032.

8. Semoga dengan penyertaan pihak syarikat dalam kejohanan ini dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara semua pihak yang terlibat.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a vertical line that curves into a horizontal line with a loop at the end.

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN**

ATURCARA

KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA DATO' SRI RAMLI YUSUFF, PRESIDEN PIKM 2023

9 September 2023 (Sabtu)
Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Semarak,
54100 Kuala Lumpur

MASA	PERKARA
3.45 pm	Kehadiran Peserta Kejohanan
4.15 pm	Perlawanan 1
4.45 pm	Perlawanan 2
5.15 pm	Perlawanan 3
5:30 pm	Kehadiran tetamu jemputan
6.00 pm	Perasmian Kejohanan oleh YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia & Perlawanan Akhir
6.30 pm	Jamuan Makan & Penyampaian Hadiah
8.00 pm	Majlis Tamat & Bersurai



BORANG PENYERTAAN
KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA DATO' SRI RAMLI YUSUFF, PRESIDEN PIKM 2023

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2023 (SABTU)

MASA : 3.45 PETANG HINGGA 8.00 MALAM

TEMPAT : PADANG PUSAT LATIHAN POLIS (PULAPOL) KUALA LUMPUR, JALAN SULTAN YAHYA PETRA, 54000 KUALA LUMPUR

BIL.	NAMA	JAWATAN	UMUR (TAHUN)	NO. TELEFON BIMBIT	POSISI (Contoh: Penjaga gol, Pertahanan, Pemain Tengah, Penyerang, dsb.)
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

Mohon kerjasama untuk mengembalikan borang pengesahan penyertaan ini ke alamat emel info@pikm.my selewat-lewatnya pada 11 Ogos 2023 (Jumaat).